

# Faktor Permasalahan Pelajar Pasca Sijil Pelajaran Malaysia (2021) Enggan Melanjutkan Pelajaran: Satu Kajian Kualitatif

Sulaila Bakar<sup>1</sup>, Jun Nirlawati Mohd Sahidol<sup>2</sup>, Mazni Muslim<sup>3\*</sup>

<sup>1,2</sup>Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, Kampus Jengka,  
26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, Kampus Raub,  
27600 Raub, Pahang, Malaysia  
maznimus@uitm.edu.com

\*Corresponding Author

<https://doi.org/10.24191/gading.v27i0.379>

Received: 19 December 2023

Accepted: 22 February 2024

Date Published Online: 15 March 2024

**Abstrak:** Kajian ini memberi fokus kepada masalah yang menjadi punca beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPTA/IPTS) ‘kehilangan’ separuh daripada pelajar yang sepatutnya melanjutkan pelajaran di IPT masing-masing pada tahun ini. Kajian ini melibatkan seramai sembilan orang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara lisan bagi mengenal pasti faktor mereka membuat keputusan untuk tidak melanjutkan atau menangguhkan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa kerisauan untuk mendapat peluang pekerjaan selepas pengijazahan, ketiadaan minat untuk meneruskan pembelajaran dalam jurusan yang tidak dipilih oleh pelajar itu sendiri, kebimbangan dibelenggu hutang selepas tamat pengajian, keseronokan menjana pendapatan sendiri dalam ekonomi jangka pendek, keinginan mendalam untuk menjadi *influencer* atau pempengaruh dan tekanan dari keluarga mempengaruhi mereka dalam membuat keputusan. Diharapkan dengan maklumat yang diperolehi dari hasil kajian ini dapat digunakan untuk menghasilkan strategi dalam menangani permasalahan ini dan dijadikan panduan untuk kajian yang seterusnya di masa yang akan datang.


**Kata kunci:** Faktor, IPT, kajian kualitatif, SPM, strategi

## Pengenalan

Semua sedia maklum pandemik COVID-19 telah mengubah landskap dari aspek ekonomi, kesihatan, dan juga pendidikan. Norma baharu ini telah memberi kesan yang amat mendalam kepada semua tanpa mengenal usia, pangkat maupun jantina.

Rakyat Malaysia telah dikejutkan pada hari Khamis 22 Jun 2022 apabila keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2021 diumumkan. Laporan keputusan SPM 2021 menyatakan bahawa seramai 70,455 calon SPM 2021 tidak menduduki peperiksaan itu berbanding 407,097 calon berdaftar di 3,382 pusat peperiksaan. Pandemik COVID-19 telah dikatakan sebagai faktor utama masalah berikut berlaku. Kita semua sedia maklum peperiksaan SPM 2021 ini dilaksanakan pada tahun yang mencabar akibat pandemik COVID-19. Selain itu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bersiri-siri telah mengakibatkan ramai calon hanya belajar dari dalam talian berbanding pembelajaran bersemuka.

Tidak lama selepas insiden ini kita sekali lagi dikejutkan dengan pemakluman bahawa 72.1% dari jumlah keseluruhan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 ini tidak mahu meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang seterusnya. Ini bukan satu jumlah yang kecil; seramai 268,273 orang dari 382,156 orang calon.



**Rajah 1.** Peratusan Lepasan SPM (2021) yang Meneruskan Pengajian & Tidak Meneruskan Pengajian ke IPT

Umumnya sesebuah negara pastinya mengambil masa untuk pulih seperti sediakala selepas pandemik COVID-19. Ketidakstabilan ekonomi akibat kehilangan pekerjaan dan juga kematian ketua keluarga akibat COVID-19 telah memaksa ramai remaja berusia 17 dan 18 tahun untuk keluar bekerja. Mereka ini terpaksa menghadapi dilema sama ada bekerja demi kelangsungan hidup atau melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Usai pandemik COVID-19 ini, keperluan tuntutan persekitaran sering menjadi sebab mereka cenderung memilih jalan untuk bekerja.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba, terdapat tiga sebab utama di sebalik kekurangan minat dalam kalangan pelajar-pelajar ini untuk melanjutkan pengajian mereka seperti kurangnya peluang pekerjaan dalam ekonomi jangka pendek, minat untuk menjadi pempengaruh media sosial dan tanggapan mereka bahawa meneruskan pengajian mereka tidak akan menjamin pekerjaan yang lebih baik (Zulhisham, 2022).

Dengan ini kami pihak penyelidik ingin mendapatkan jawapan yang sebenar. Apakah benar seperti yang didakwa oleh Akademi Sains Negara? Negara ketika ini sudah pun berdepan krisis lepasan SPM yang enggan mengambil bidang teknikal dan teknologi, dan ketika ini negara pula kehilangan lebih dari separuh lepasan SPM 2021 yang tidak berminat untuk meneruskan pengajian mereka berbanding hanya 113,833 orang yang berminat untuk meneruskan pengajian.

## Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kajian:

- i. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pelajar lepasan SPM tidak berminat menyambung pengajian ke IPT.
- ii. Mencadangkan solusi dan strategi kepada permasalahan yang berlaku.

## Kajian Literatur

Jika dahulu para pelajar lepasan SPM berlumba-lumba dan bersaing untuk menyambung pelajaran dan mendapatkan tempat di universiti di dalam dan di luar negara, namun pada hari ini situasi telah berubah. Menurut Azleenda Sahaludin (2023), media melaporkan lebih daripada 458,000 lepasan SPM tidak meneruskan pengajian dalam tempoh tiga tahun sejak 2020. Statistik berkenaan menunjukkan 36.16% lepasan SPM tahun 2020, dan 48.74% bagi tahun 2021 tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Menurut Azleenda, pelajar lepasan SPM memilih untuk terus bekerja dan tidak mahu sambung belajar. Mereka beranggapan adalah sukar untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian di universiti, dan berasaskan mempunyai punca pendapatan dengan bekerja adalah lebih utama. Selain itu, faktor keluarga juga menyumbang kepada keputusan mereka untuk tidak sambung belajar. Sesetengah keluarga tidak mendorong anak-anak mereka sama ada dari

aspek moral dan material. Sesetengah keluarga mengharapkan agar anak-anak mereka dapat membantu meringankan beban ekonomi keluarga dengan segera bekerja.

Berdasarkan kepada laporan berita Astro Awani bertarikh 9 Jun 2023 oleh Irfan Faruqi, Pengarah Strategik Forward Malaysia Research Centre, Muhammad Jazlie Jabarudin berkata, negara akan kehilangan 70 peratus tenaga mahir di pasaran jika trend pelajar lepasan SPM tidak menyambung pelajaran berterusan. Ini adalah amat membimbangkan dan secara tidak langsung akan memberi kesan kepada pembangunan Malaysia pada masa akan datang. Selain itu, kehilangan tenaga kerja berkemahiran tinggi juga akan mengakibatkan matlamat Malaysia menjadi negara maju terbantut.

Selain itu, menurut dari sumber berita Sinar Harian bertarikh 30 Ogos 2022, antara faktor utama yang menyumbang kepada trend pelajar lepasan SPM tidak ingin menyambung pengajian kepada peringkat yang lebih tinggi adalah masalah ekonomi. Disebabkan negara berdepan dengan wabak COVID 19, keadaan ekonomi negara, keluarga dan individu terjejas teruk. Hal ini menyebabkan kebanyakan remaja lepasan SPM lebih cenderung untuk mencari sumber pendapatan bagi menampung keluarga dari menyambung pengajian yang menelan perbelanjaan yang agak tinggi. Segelintir daripada remaja lepasan SPM ini juga berpendapat bahawa pendidikan tidak menjamin masa depan dan kelangsungan hidup.

Menurut Basmin Maarof (2022), pendekatan dan solusi perlu dicari bagi mengatasi masalah yang berkaitan perkara ini. Salah satu yang dicadangkan oleh beliau ialah kerajaan perlu menilai semula dasar PTPTN terutamanya bagi mahasiswa daripada keluarga B40, kos-kos pengajian yang tinggi terutama di IPT swasta, dan menyelaraskan kursus pengajian dengan peluang kerjaya. Tambahan lagi, satu sistem sokongan yang mampan perlu diwujudkan oleh pelbagai pihak bagi menangani isu ini yang dapat membantu remaja lepasan SPM ini dan juga kerajaan agar isu ini tidak terus menjadi bertambah serius. Mentaliti para remaja yang menganggap bahawa pendidikan tidak lagi penting dalam meneruskan kelangsungan hidup perlu diubah. Pendidikan masih relevan dalam memperbaiki kehidupan individu khususnya, keluarga, masyarakat dan negara amnya. Masa hadapan generasi muda negara perlu diselamatkan. Ini semua akan dapat dicapai dengan adanya penglibatan dari semua pihak dalam menangani isu ini.

Menurut Nur Hasliza Mohd Salleh (2023), beberapa faktor lain yang menyebabkan lepasan SPM tidak mahu sambung belajar adalah termasuk kebimbangan terhadap kewangan dan kos sara hidup. Hasil temu bual beliau dengan kelompok pelajar yang melibatkan demografi berbeza termasuk latar belakang ekonomi keluarga, jantina dan latar belakang sekolah mendapati bahawa empat daripada 10 orang lepasan SPM yang baru tamat sesi persekolahan 2022 tidak berhasrat untuk menyambung pengajian ke universiti awam kerana kos sara hidup yang tinggi. Selain itu, mereka berkecenderungan untuk bekerja dan memiliki wang sendiri. Selain itu, kajian oleh Pusat Penyelidikan Undian (UCSI) mendapati hanya separuh daripada lepasan SPM merancang untuk menyambung pelajaran. Terdapat segelintir yang tidak yakin dengan program universiti yang terlalu panjang dan mahal.

Menurut satu artikel bertajuk “Sambung Belajar atau Bekerja Selepas SPM, Mana Satu Lebih Baik?” (2022), antara sebab pelajar lepasan SPM tidak mahu melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi adalah kerana mereka ingin memperoleh pengalaman dunia dengan sebanyak mungkin dan caranya adalah dengan bekerja. Bekerja selepas SPM membolehkan mereka menimba ilmu yang akan membantu mereka mendapatkan kerjaya dengan lebih mudah pada masa depan, dan ini secara tidak langsung akan membolehkan mereka mengumpul pendapatan dengan lebih awal berbanding mereka yang melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi. Namun demikian, terdapat juga keburukan tidak melanjutkan pelajaran. Contohnya, sikap malas akan semakin berleluasa. Mereka yang bekerja sudah terbiasa menerima arahan daripada majikan, jadi sudah semestinya mereka akan malas belajar dan berfikir atas inisiatif sendiri. Kebaikan melanjutkan pelajaran selepas SPM boleh membantu seseorang untuk mendapatkan pekerjaan dengan mudah. Mempunyai kelulusan yang tinggi merupakan sesuatu yang dianggap penting kerana dengannya, peluang untuk mendapat pekerjaan yang bergaji lumayan akan menjadi luas dan bagi mereka yang melanjutkan pengajian sehingga peringkat ijazah atau PhD, mereka lebih mudah untuk dinaikkan pangkat berbanding mereka yang bermula dengan kelulusan serendah SPM.

## Metodologi

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pendekatan yang digunakan ialah kaedah kualitatif. Gay, Mills dan Airsian (2006) berpendapat matlamat utama kaedah kualitatif ini berlandaskan penyediaan pemahaman yang berkaitan persekitaran sosial dan aktiviti daripada perspektif responden.

Penyelidik telah menggunakan teknik temu bual secara atas talian. Seramai sembilan (9) orang responden yang terdiri dari calon-calon Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) 2021 yang tidak lagi mahu meneruskan pembelajaran mereka telah dikenal pasti dan dipilih oleh penyelidik. Responden merupakan enam orang perempuan dan tiga orang lelaki. Bagi tujuan kajian ini, sampel kajian atau responden ini telah dilabelkan sebagai 1 hingga 6 untuk responden perempuan dan 1 hingga 3 untuk responden lelaki. Manakala huruf ‘L’ merujuk kepada lelaki dan huruf ‘P’ kepada perempuan. Temu bual ini dibuat secara dalam talian dan penyelidik telah menerangkan tujuan kajian, mengemukakan soalan dan tidak memberi sebarang idea kepada responden. Penyelidik telah mengambil masa selama dua minggu bagi proses pengumpulan data.

## Dapatan Kajian

1. Faktor yang mempengaruhi responden untuk tidak meneruskan pengajian mereka:
  - i. Sikap

*“Saya bukannya tak nak sambung belajar tapi saya masih fikir course apa yang sesuai dengan jiwa saya ...saya takut saya tersalah pilih course...tak nak jadi macam abang saya...dia apply course lain dapat course lain...last-last tak grad pun...”* (Sumber P3)

*“Saya takut lepas grad tak dapat kerja...Puan ingat tak dalam TikTok ada this girl...grad Kimia ...tak dapat kerja...dia kerja KFC...Kimia kot! Tak nak saya belajar susah-susah...at the end kerja fast food...”* (Sumber P5)

*“Saya takut tak dapat jurusan yang saya pilih...Puan tahu la UPU macam mana...kakak saya dulu minta komputer dapat engine...mak paksa dia pergi juga...tahan dua semester ja...”* (Sumber P4)

Hasil dari temu bual yang dilakukan dan berdasarkan contoh-contoh di atas, didapati bahawa sikap serta karenah pelajar lepasan SPM itu sendiri yang menyebabkan mereka tercicir daripada melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Berkehendakkan kursus yang menepati jiwa, bimbang dengan kursus yang ditawarkan bukanlah kursus pilihan dan risau akan peluang pekerjaan selepas tamat pengajian menyebabkan mereka nekad untuk tidak menyambung pelajaran.

Membetulkan niat untuk melanjutkan pelajaran adalah suatu perkara yang amat penting sebelum seseorang itu membuat keputusan untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi. Mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi adalah untuk menjadikan seseorang itu lebih baik dari segi sudut pandangan dan kebijaksanaannya. Menurut Mohd Afzanim (2021), IPT bukanlah sebuah kilang untuk menghasilkan pekerjaan tetapi ia adalah gedung ilmu untuk membina ketemadunan sebuah bangsa.

- iii. Impak rakan sebaya/masyarakat/media social

*“Sekarang saya dan beberapa rakan kerja food delivery. Kami semua masih fikir... masih lagi tak buat keputusan. Mak ayah memang bising...itu lah...gaji pun boleh tahan. Puan...ikhlas cakap masih ragu-ragu...nak terus kerja atau masuk U...tapi berat lebih ke kerja...kerja pun mudah...”* (Sumber L1)

*“Malas lah Puan...tak ada diploma ke degree ke...masuk jugak ribu raban...tu haa influencer dan Youtuber... kereta besar...baju branded...they all tak masuk U pun...”* (Sumber P2)

*“Saya memang tak akan sambung. Sekarang saya dan member tengah survey macam mana nak kerja di Singapore...12 ribu gaji sebulan keja basuh pinggan...kawan saya cakap...dia baca dalam FB...Banyak tu Puan... belajar memang saya tak pandai...ok apa...basuh pinggan...”* (Sumber L2)

*“Berniaga online la Puan...tak perlu modal...Tak perlu diploma bagai...jadi dropship pun masyuk...”* (Sumber P6)

Hasil dari temu bual yang dilakukan dan berdasarkan contoh-contoh di atas, didapati bahawa rakan sebaya, masyarakat dan media sosial juga memainkan peranan dalam mempengaruhi golongan muda ini untuk tidak melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka mengambil jalan mudah berdasarkan apa yang mereka lihat dan alami dan lebih menumpukan kepada kelangsungan hidup daripada meneruskan pengajian ke peringkat universiti yang dianggap tidak penting dan berkos tinggi serta tidak menjamin kestabilan hidup di masa depan.

#### iv. Kekangan kewangan

*“Cousin saya masuk U lepas SPM...ambik bidang apa entah...lama dah dia konvo...sebelum COVID lagi...tapi sampai sekarang tak ada kerja...hutang PTPTN pun makcik saya yang bayarkan...takut saya Puan...bukan seratus dua...saya kalau sambung memang kena ambik PTPTN... tak nak lah saya jadi macam cousin saya...”* (Sumber P1)

*“Saya tak nak berhutang Puan...ayah meninggal masa COVID... mak suri rumah... kakak yang tanggung semua... kalau saya masuk U...tak dapat tidak kena apply PTPTN...mana nak cekau duit?”* (Sumber L1)

*“Mungkin...mungkin nanti akan buat course part time...tapi sekarang fokus saya untuk kumpul duit... tolong mak ayah...”* (Sumber L3)

Berdasarkan temu bual, rata-rata responden menyuarakan faktor ini yang menghalang mereka dari meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang seterusnya. Ramai ketua keluarga yang meninggal dunia semasa pandemik COVID-19 dan situasi ini memaksa responden untuk tidak lagi mahu menambah beban keluarga jika mereka bertindak melanjutkan pengajian mereka.

### **Strategi Menangani Permasalahan**

Solusi: Langkah-langkah yang patut diambil oleh IPT/ kerajaan:

#### i. Mengurangkan kadar yuran pengajian

Noor Azlan Ghazali, bekas naib canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mencadangkan satu konsep bagaimana IPT boleh mengurangkan kadar yuran pengajian melalui pemberian subsidi yuran pengajian kerajaan di IPT. Noor Azlan menyatakan kerajaan wajar memperkenalkan pembayaran yuran dan subsidi tiga peringkat ‘three-tier system’ (Nur Hasliza, 2022). Kerajaan perlu berani untuk menyatakan yang subsidi diberikan tetapi hanya terhadap golongan yang memerlukan sahaja.

Peringkat pertama melibatkan golongan miskin dan pelajar dari golongan berpendapatan rendah. Mereka diberikan subsidi sepenuhnya seperti biasa dan hanya membayar 10% daripada jumlah keseluruhan yuran.

Peringkat kedua melibatkan para pelajar kumpulan menengah pertengahan. Mereka masih mendapat subsidi kerajaan tetapi hanya membayar 40% kos pengajian daripada kos keseluruhan yuran.

Peringkat ketiga melibatkan pelajar kaya. Mereka juga mendapat subsidi kerajaan tetapi harus membayar kos 60% sehingga 70% daripada kos keseluruhan yuran pengajian.

- ii. Menawarkan kursus jangka pendek yang lebih berdaya saing dan bersesuaian dengan sektor ekonomi semasa

Kursus dan latihan jangka pendek yang ditawarkan oleh IPT haruslah baik dan bersesuaian untuk pelajar mendapatkan kemahiran dan seterusnya boleh berdikari dengan skil latihan atau ilmu pengetahuan yang dipelajari. Tanpa kemahiran bersesuaian dengan keperluan dan sektor ekonomi semasa menyebabkan ramai graduan IPT menganggur bertahun-tahun dan terpaksa bekerja di sektor pekerjaan yang hasil pulangannya tidak setimpal dengan kelayakan akademik mereka. Penawaran kursus jangka pendek yang berdaya saing dan bersesuaian dengan sektor ekonomi semasa boleh merealisasikan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat.

- iii. Menawarkan mod pengajian yang lebih fleksibel

IPT wajar menawarkan mod pengajian yang lebih fleksibel agar pelajar lepasan SPM dan masyarakat mempunyai lebih pilihan untuk mendapatkan sijil akademik yang diinginkan. Pada masa yang sama pelajar boleh merancang struktur serta tempoh pengajian mereka. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran, mod pengajian yang lebih fleksibel dan ‘mesra pengguna’ adalah penting kerana bidang pendidikan kini sedang mendepani dunia VUCA. ‘V’ merujuk kepada ‘volatile’ (bergejolak), ‘U’ bermaksud ‘uncertain’ (tidak pasti), ‘C’ adalah ‘complex’ (kompleks) dan ‘A’ bermaksud ‘ambiguity’ (tidak jelas) (Nor Azma, 2021). Trend penawaran program akademik di IPT perlu lebih dinamik dan bersesuaian dengan keperluan semasa.

## **Kesimpulan**

Melalui kajian ini kita terpaksa mengaku yang negara sedang melahirkan generasi yang tidak berpendidikan. Daya saing sesebuah negara ditentukan oleh modal-modal insan yang mempunyai berkemahiran berfikir yang dibentuk melalui pendidikan yang berkualiti. Kemajuan dan kegagalan Malaysia terletak pada rakyatnya tetapi apabila melanjutkan pelajaran pasca SPM tidak lagi menjadi pilihan para belia, apakah nasib yang bakal menimpa negara kita?

Pihak berwajib harus menggalas tanggungjawab memberi galakan kepada anak-anak muda supaya mereka berkeinginan untuk terus belajar pasca SPM di ketika satu dunia sedang berjuang demi kelangsungan hidup. Penyelidik berpendapat isu-isu yang berkait dengan ‘tidak perlu ke universiti untuk bergaji tinggi’, bayaran gaji yang tidak munasabah bagi graduan yang bekerja di luar bidang dan tanggungan kos pinjaman pelajaran yang tinggi haruslah dibicarakan sebelum perbincangan tentang mengapa seramai 72.1% calon SPM 2021 membulatkan pendirian mereka tidak mahu terus belajar.

## **Cadangan Kepada Penyelidik Di Masa Hadapan**

Kesemua dapatan dalam kajian ini telah menjelaskan kepada kita mengapa lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) keberatan untuk meneruskan pembelajaran mereka ke peringkat yang seterusnya. Pelaksanaan cadangan-cadangan yang dicadangkan oleh penyelidik pasti dapat menarik lepasan SPM untuk terus belajar ke peringkat lebih tinggi seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melahirkan tenaga kerja profesional dan mahir.

Walau bagaimanapun, kajian ini tidak dapat menggambarkan keseluruhan gambaran yang sebenarnya dan kajian-kajian yang seumpama boleh dijalankan secara lebih menyeluruh terutamanya dari persepsi dan keberanian pihak universiti dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk mengubah sistem yang sedia ada.

Satu lagi kajian di pihak majikan, awam dan swasta juga perlu dibuat untuk mengetahui kesanggupan mereka melaksanakan anjakan paradigma dalam penerimaan mereka terhadap kursus ‘micro-credential’ berbanding segulung ijazah dari universiti.

## Sumbangan Penulis Bersama

Para penulis memberi jaminan bahawa tiada pertembungan konflik di dalam menyiapkan kertas kajian ini. Penulis 1 telah menyediakan abstrak, pengenalan, kajian literatur, metodologi dan cadangan kepada penyelidik di masa hadapan. Penulis 2 telah turut terlibat menyediakan kajian literatur dan melengkapkan hasil kajian. Penulis 3 telah turut menyediakan kajian literatur, merangka objektif kajian dan menulis implikasi kajian.

## Penghargaan

Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama di dalam sesi temubual untuk mendapatkan dapatan kajian ini.

## Rujukan

- Azleenda Sahaludin. (2023, Jun 7). Lepasan SPM tidak mahu sambung belajar, memilih terus bekerja. *Sinar Bestari*. [sinarbestari.sinarharian.com.my](http://sinarbestari.sinarharian.com.my). Diakses 18 Jun 2023.
- Basmin Maarof. (2022). Lepasan SPM tidak sambung belajar: Apa solusinya? <https://ikram.org.my/lepasan-spm-tidak-sambung-belajar-apa-solusinya/>. Diakses 18 Jun 2023.
- Irfan Faruqi. (2023, Jun 9). Negara akan hilang 70 peratus tenaga mahir jika lepasan SPM tidak sambung pengajian. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/negara-akan-hilang-70-peratus-tenaga-mahir-jika-lepasan-spm-tidak-sambung-pengajian-423293>. Diakses 18 Jun 2023.
- Mohd Afzanizam Abdul Rashid. (2021). Niat hendak sambung belajar kena betul. <https://wacana.my>. Diakses 29 Oktober 2022.
- Nor Azma Muhamat Laila. (2021, Ogos 19). Pengajian fleksibel beri peluang lebih luas lanjut pelajaran. *Sinar Harian*. [bestari-sinarharian.com.my](http://bestari-sinarharian.com.my). Diakses 29 Oktober 2022.
- Nur Hasliza Mohd Salleh. (2022). Bagaimana subsidi yuran pengajian bebankan universiti awam. [malaysiannow.com](http://malaysiannow.com). Diakses 29 Oktober 2022.
- Nur Hasliza Mohd Salleh. (2023, Mac 30). Mengapa lepasan SPM tidak mahu sambung belajar. *MalaysiaNow*. [malaysianow.com](http://malaysianow.com). Diakses 18 Jun 2023.
- Sambung belajar atau bekerja Selepas SPM, mana satu lebih baik. (2022, Feb. 17). [afterschool.com/bm/berita](http://afterschool.com/bm/berita). Diakses 18 Jun 2023
- Tak minat sambung belajar isu serius. (2022, Ogos 30). *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/218895/suara-sinar/lidah-pengarang/tak-minat-sambung-belajar-isu-serius>. Diakses 29 Oktober 2022.
- Zulhisham Isahak. (2022, Sept. 5). ASM diarah laksana kaji selidik pelajar tidak minat sambung belajar. *Sinar Harian*. <https://sinarharian.com.my/ampArticle/218664>. Diakses 29 Oktober 2022.